



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
The National University  
of Malaysia



# *Seminar* 120 TAHUN **MAJLIS RAJA-RAJA MELAYU**

19 September 2017, 8.00 pagi - 4.30 petang

Bilik Senat, Aras 5, Canselor, UKM

Pengaljuran: Persatuan Sejarah Malaysia & Universiti Kebangsaan Malaysia  
Dengan Kerjasama: Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia

## PERANAN SULTAN DAN RAJA-RAJA DALAM MAJLIS RAJA-RAJA

Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Wan Hassan  
Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Pahang

### LATAR BELAKANG SEJARAH PEMERINTAHAN BERAJA

Pemerintahan Melayu Beraja telah lama wujud di Nusantara dan Tanah Semenanjung seperti di abad ke 2 – 3 masehi. ( Hindu – Buddha Mahayana ) Abad 7 – 13 Masehi ( Sri Vijaya ), Majapahit dan Melaka. Penaklukan juga telah berlaku seperti oleh Siam Portugis, Belanda, Sepanyol, Amerika, Jepun dan British. Dalam hal ini negeri-negeri Kepulauan Melayu seperti kepulauan yang dikenali sebagai Filipina dan Indonesia hari ini dan wilayah-wilayah Songkhla, Pattani, Narathiwat dan Yala di Selatan Thai telah khilangan pemerintahan Kesultanan. Namun di Semenanjung Tanah Melayu dan Brunei Kesultanan dan pemerintahan Beraja tetap wujud hingga ke hari ini.

Garispanduan dan prinsip-prinsip pemerintahan dan perundangan serta adat resam dan protokol di Tanah Melayu juga merupakan warisan daripada Kerajaan-kerajaan Melayu yang dahulu yang mana telah mengalami transformasi melalui hubungkait dan peristiwa-peristiwa sejarah.

Di semenanjung Tanah Melayu terdapat 9 orang Raja Pemerintah, manakala Pulau Pinang dan Melaka dahulunya diperintah oleh British diketuai oleh Gabenor dengan gelaran Dipertua Negeri.

Selcas British menguasai beberapa negeri di Semenanjung Tanah Melayu, secara ‘protectorate’ dengan mencampatkan Resident British sebagai penasihat iaitu bagi negeri-negeri Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak, pada tahun 1985 negeri-negeri ini telah digabungkan dalam satu kumpulan yang disebut sebagai Negeri Melayu Bersekutu.

Majlis Raja-raja bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah ditubuhkan pada 1 Julai 1896. Mesyuarat Pertama Majlis Raja-raja Melayu Bersekutu, atau dikenali Mesyuarat Durbar telah diadakan pada 13-17 Julai 1897 di Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar. ( Istilah Durbar adalah dari perkataan Urdu-Parsi yang bermaksud “Istana Raja” dan ia terpakai kepada Persidangan Raja-raja semasa pemerintahan British di India ) Mesyuarat Durbar diadakan 9 kali sahaja sehingga tahun 1939.


Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua iaitu sesudah Pemerintahan BMA (Pentadbir Tentera British) dan Malayan Union, Persekutuan Tanah Melayu telah diwujudkan pada tahun 1948 setelah kemasukan 5 buah lagi Negeri yang tidak bersekutu, iaitu Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah dan Perlis.

Mesyuarat Pertama Majlis Raja-raja dalam Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan pada 18 Februari 1948 yang dipengerusikan oleh DYMM Sultan Johor, iaitu DYMM Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar.

Antara Februari 1948 hingga Ogos 1957 sebanyak 50 kali mesyuarat Majlis Raja-raja telah diadakan. Selepas Kemerdekaan, Mesyuarat telah diadakan pada 30 dan 31 Oktober 1957. Segala peraturan-peraturan pemerintahan yang diamalkan pada masa-masa yang lalu telah dikumpul dan dikanunkan semula dalam bentuk Undang-undang Tubuh Kerajaan bagi negeri-negeri dan Perlembagaan

Persekutuan bagi Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia, setelah kemasukan negeri-negeri Singapura (untuk seketika), Sarawak dan Sabah.

Rajah 1 : Sistem Pemerintahan Negara Dan Kedudukan Majlis Raja Raja



### FUNGSI MAJLIS RAJA-RAJA

Majlis Raja-raja bukan sahaja agung tetapi unik kerana Majlis ini merupakan satu-satunya institusi yang sedemikian rupa wujud di dunia pada masa kini. Apabila Negara mencapai kemerdekaan, penubuhan Majlis Raja-raja telah dikanunkan mengikut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan. Fungsi dan tugas-tugasnya mengikut Jadual Kelima Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:-

- i. Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan mengikut peruntukan - peruntukan Jadual Ketiga;
- ii. Mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perluatan, amalan atau upacara ugama meliputi seluruh Persekutuan;
- iii. Mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang dan membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa pelantikan yang menurut Perlembagaan ini memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-raja;
- iv. Melantik anggota-anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182;

- v. Memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman-hukuman di bawah Fasal (12) Perkara 42
- vi. Dan bolch menimbangkan soal-soal mengenai dasar negara (misalnya perubahan-perubahan tentang dasar Imigresen) dan apa-apa jua perkara lain yang difikirkannya patut.

Apabila Majlis Raja-raja menimbangkan perkara-perkara mengenai dasar negara Yang di-Pertuan Agong hendaklah disertai oleh Y.A.B Perdana Menteri dan Raja-raja yang lain dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri disertai oleh Menteri-Menteri Besar atau Ketua-Ketua Menteri mereka.

Tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-raja boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja.

Majlis Raja-raja hendaklah diminta fikirannya sebelum dibuat apa-apa perubahan tentang dasar mengenai tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153 (mengenai kedudukan dan keistimewaan orang Melayu, Bumiputera serta juga hak kaum-kaum lain).

Majlis Raja-raja juga melantik:

- i. Seorang wakil untuk menganggotai Majlis Angkatan Tentera, menurut Perkara 137 Perlembagaan.
- ii. Seorang wakil sebagai Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa & Pustaka menurut Akta yang berkenaan.

## FUNGSI BUDIBICARA MAJLIS RAJA-RAJA

Anggota-anggota Majlis Raja-raja boleh bertindak menurut budi bicara mereka dalam apa-apa urusan berhubung dengan tugas-tugas yang berikut iaitu:-

- i. Memilih atau memecat Yang di-Pertuan Agong daripada jawatannya atau memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan;
- ii. Memberi nasihat mengenai apa-apa pelantikan yang ditetapkan oleh Perlembagaan;
- iii. Mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang yang mengubah sempadan-sempadan sesuatu negeri atau menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-raja;
- iv. Mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara meliputi seluruh Persekutuan;
- v. Pelantikan anggota-anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182; atau
- vi. Pemberi ampun, reprieve dan respite atau peremitan, penggantungan atau peringangan hukuman-hukuman, di bawah Fasal (12) Perkara 42.

## KESIMPULAN

Secara amnya boleh disimpulkan bahawa Sultan dan Raja dalam Majlis Raja-raja adalah Institusi yang menyumbangkan kuasa dan menduduki tempat teratas kepada fungsi Perundangan, Pentadbiran dan kehakiman serta sumber kepada keputusan-keputusan yang dasar yang melibatkan perkara-perkara asas dalam pentadbiran Negara. Disamping itu ia juga berfungsi memelihara hak-hak asas rakyat samaada pemastautin atau warganegara, termasuk agama Islam.

Dilihat dari segi Institusi Raja-Raja itu sendiri, institusi Raja-raja itu sendiri, Institusi Raja-raja merupakan 'perpustakaan' atau perbendaharaan kepada beberapa aspek budaya, bangsa, termasuk agama, adat resam, seni budaya serta serba serbi dalam kehalusan dan keindahan kebudayaan Melayu dan Negara.